

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG



# FUNGSI PENGURUSAN

LAPORAN TAHUNAN 2011

# FUNGSI PENGURUSAN

LPP berfungsi sebagai agensi pengurusan yang menyediakan anggota-anggota profesional dari pelbagai kategori jawatan untuk menguruskan PP dengan cekap dan berkesan. Khidmat agensi pengurusan yang disediakan meliputi aspek latihan kepada anggota LPP yang ditempatkan di PP dan anggota lantikan PP sendiri supaya mahir di dalam aspek pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti ekonom

- Akaun
- Pentadbiran
- Khidmat Sosial/Korporat
- Perniagaantani
- Projek (tanaman, ternakan,ternakair).

Sehingga tahun 2011, seramai 3,072 anggota daripada 3,285 perjawatan yang diluluskan diagihkan untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pembangunan (seperti di Jadual 6). Seramai 1,865 anggota LPP atau 61 peratus ditempatkan di PP sementara 1,226 anggota atau 39 peratus ditempatkan di Ibu Pejabat LPP, LPP Negeri, Pejabat Penyelia Daerah (PPD) dan Institut Pengurusan Peladang (IPP). Penempatan anggota LPP tahun 2011 ditunjukkan seperti di Carta 5.


## 2.1. Penempatan Anggota Di Pertubuhan Peladang

Penempatan anggota LPP di PP meliputi jawatan Pengurus Besar dan Pengurus Bahagian :

**JADUAL 6 :KEDUDUKAN PENEMPATAN ANGGOTA LPP SEHINGGA 31 DISEMBER 2011**

Pejabat LPP/PP	Bilangan Anggota	Peratus
Ibu Pejabat LPP	355	12%
Pejabat LPP Negeri	745	24%
Pejabat Penyelia Daerah (PPD)	63	2%
Institut Pengurusan Peladang (IPP)	44	1%
Pertubuhan Peladang (PP)*	1,865	61%
<b>JUMLAH</b>	<b>3,072</b>	

**CARTA 5 : AGIHAN PENEMPATAN ANGGOTA LPP BAGI TAHUN 2011**



## 2.2. Pemantapan Khidmat Sokongan Pengurusan

Usaha bagi memantapkan khidmat sokongan pengurusan di LPP adalah bertujuan untuk melahirkan anggota kerja yang profesional, kreatif dan inovatif. Matlamat akhirnya ialah bagi menyediakan tenaga kerja yang dapat menghadapi cabaran dan perubahan dalam industri agromakanan negara. Antara program-program yang dilaksanakan oleh LPP bagi maksud di atas adalah seperti berikut:-

### a. Pemantapan Struktur dan Perjawatan

Pada tahun 2011, LPP telah menyusun semula penempatan anggota LPP dan PP berdasarkan peranan mengikut kemahiran dan kesesuaian tugas meliputi sumber tenaga yang sedia ada sahaja. Ini bagi tujuan memantap dan memperkukuhkan tugas-tugas utama LPP khususnya tugas Pendaftar, Penyeliaan dan Penguatkuasaan. Langkah ini adalah selaras dengan program transformasi LPP.

### b. Program Pementoran LPP

Bagi program pementoran tahun 2011 di LPP, seramai 106 orang mentor telah dilantik untuk membimbing 130 orang mentee dalam perkembangan kerjaya dan budaya kerja di LPP. Program ini meliputi aspek bimbingan dan sokongan terlatih, beretika dan sistematik kepada anggota lantikan baru supaya dapat membantu mengeratkan hubungan, saling memahami, kemesraan hubungan antara rakan sekerja dan juga penyesuaian diri di tempat kerja yang baru. Program pementoran ini juga dijadikan salah satu syarat bagi tujuan pengesahan jawatan anggota lantikan baru.

### c. Penghargaan dan Pengiktirafan

Bagi memupuk semangat dan kualiti kerja yang tinggi di kalangan anggota kerja, LPP

memberi penghargaan dan pengiktirafan terhadap anggota yang berkhidmat dengan cemerlang. Antara program-program yang diadakan bagi tujuan di atas ialah:

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Dalam tahun 2011, seramai 248 orang anggota LPP dianugerahkan Anugerah Khidmat Cemerlang. Anggota yang berjaya dipilih berdasarkan kepada sumbangan anggota kepada organisasi, komuniti, daerah, negeri, negara dan di peringkat antarabangsa.

### Khidmat Setia

Pada tahun 2011 sejumlah 470 orang anggota telah menerima anugerah Khidmat Setia di atas perkhidmatan 25 tahun dengan LPP.

### Meraikan Pesara

Dalam tahun 2011, LPP telah meraikan 79 orang anggota yang bersara wajib dari pelbagai kategori perkhidmatan dalam Majlis Perkhidmatan Cemerlang.

## 2.3. Pembangunan Modal Insan


Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 – 2020 digubal untuk mencapai objektif bagi menjamin bekalan makanan, berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan kumpulan sasar. Bagi mencapai hasrat tersebut, pembangunan sumber manusia yang berkualiti merupakan faktor utama kepada kejayaan. Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh kumpulan sasar akan membolehkan penemuan-penemuan penyelidikan diterima pakai dan seterusnya memodenkan industri agromakanan.

Pewujudan modal insan bestari dan berinformasi diberi tumpuan untuk menyokong aktiviti pengeluaran makanan yang berintensifkan teknologi dan inovasi.

Selaras dengan itu, program-program yang menjurus kepada aspek teknikal dan vokasional pertanian bagi meningkatkan ilmu dan pengetahuan peladang-peladang dan anggota LPP dilaksanakan.

Bagi tahun 2011, keseluruhan peruntukan yang diterima berjumlah RM1.485 juta dimana RM0.740 juta untuk melatih anggota LPP dan sebanyak RM0.745 juta adalah untuk program latihan peladang seperti di **Carta 6**.

**CARTA 6 : PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BAGI TAHUN 2011**




### A) Latihan Anggota

Bagi tahun 2011, LPP menerima peruntukan berjumlah RM740,000 daripada sumber dalaman, mengurus dan 1% peruntukan emolumen. Pecahan peruntukan adalah seperti di **Carta 7**.

Sumber Peruntukan	Jumlah
Mengurus (one-off)	RM100,000
1% Emolumen	RM400,000
Dalaman	RM240,000
<b>Jumlah</b>	<b>RM740,000</b>

**Carta 7 :**  
Peratus Pecahan Peruntukan Program Latihan Bagi Tahun 2011



Daripada sumber di atas LPP telah melaksanakan 54 kursus dengan jumlah kehadiran 2,972 anggota dari pelbagai gred dan bidang kemahiran. Pecahan kehadiran peserta adalah seperti di **Carta 7**.

Sumber Peruntukan	Jumlah
1% Emolumen	144
Mengurus (one-off)	640
Sumber dalaman	2,188
<b>Jumlah</b>	<b>2,972</b>

Peruntukan 1% emolumen digunakan untuk melaksanakan kursus-kursus mandatori iaitu kursus induksi umum, induksi khusus dan peperiksaan dalam perkhidmatan. Manakala peruntukan dari sumber mengurus dan sumber dalaman digunakan bagi melaksanakan program-program seperti kursus teknikal dan bukan teknikal, seminar, kursus luar negara dan kursus-kursus anjuran luar sama ada dari pihak swasta atau dari agensi kerajaan.

### Lawatan Keluar Negara

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan anggota sebanyak 34 program keluar negara telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 55 orang anggota LPP meliputi kursus, lawatan sambil belajar,

menghadiri seminar dan mesyuarat anjuran badan-badan antarabangsa. Negara-negara yang terlibat ialah seperti Thailand, Indonesia, Korea, Australia, Filipina, Belanda, China dan Eropah. Anggota yang telah mendapat latihan luar negara diwajibkan mengemukakan laporan lawatan serta memberi taklimat ringkas melalui perhimpunan bulanan, ceramah dan sebagainya. Dengan cara ini ilmu dan pengalaman tersebut dapat dikembangkan kepada anggota lain.

### Kursus Anjuran Luar

Seramai 303 orang anggota telah dihantar untuk mengikuti 56 kursus anjuran Kementerian/Jabatan/Agensi/Pihak Swasta sepanjang tahun 2011 bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kecekapan anggota

### Skim Cuti Belajar LPP

Sebanyak RM80,000.00 diperuntukkan untuk anggota yang mengikuti Skim Cuti Belajar LPP di IPTA dan Institut Pertanian Malaysia. Seramai 23 orang telah mendapat kemudahan ini dalam pelbagai bidang pengajian yang ditetapkan. Berikut ialah pecahan anggota yang mengikuti pengajian di IPTA dan Institut Pertanian Malaysia seperti di Jadual 7.





**JADUAL 7 : BILANGAN ANGGOTA YANG SEDANG MENGIKUT SKIM CUTI BELAJAR LPP BAGI TAHUN 2011**

Program	Bilangan Anggota
Ijazah Kedoktoran	1
Ijazah Sarjana	1
Ijazah Sarjana Muda	10
Diploma	2
Sijil Institut Pertanian	9
<b>Jumlah</b>	<b>23</b>

#### Laporan K-Skorkad

Pekeliling PKPA Bil 6/2005 mewajibkan setiap anggota perkhidmatan awam hadir 7 hari berkursus dalam setahun. Sehingga 31 Disember 2011 seramai 737 orang (25%) anggota telah hadir 7 hari atau lebih kursus dalam setahun manakala selebihnya berjumlah 2,250 (75%) anggota telah hadir kursus kurang dari 7 hari setahun dari 2,987 orang anggota.

#### B) Latihan Peladang

LPP telah menerima peruntukan dari beberapa sumber dalam dan luaran seperti bagi melaksanakan program latihan peladang yang meliputi pemimpin dan ahli peladang. Pecahan peruntukan yang diterima adalah seperti di **Jadual 8**.

**JADUAL 8 : SUMBER PERUNTUKAN LATIHAN PELADANG BAGI TAHUN 2011**

Sumber Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)
LPP (Latihan Peladang)	150,000
Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)	30,000
Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBK)	30,000
Program Mempelbagai dan Menambah Pendapatan Petani dan Penternak	30,000
Program KORTANI	500,000
<b>Jumlah</b>	<b>740,000</b>

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 14 kursus telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan sebanyak 2,310 peladang terlibat dalam program tersebut. Sebanyak 2 program usahawan dengan melibatkan 47 orang telah dilaksanakan. Sebanyak 6 program pengurusan/teknikal dengan jumlah penyertaan peladang sebanyak 348 orang dan 3 program motivasi yang melibatkan peserta kortani yang berjumlah 1,915 orang.

#### Program Kor Tani

Objektif penubuhan Kor Tani ialah untuk menanam semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan kumpulan sasar dan usahawan disamping mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan amalan pertanian baik dalam tanaman, ternakan dan ternakair serta Industri Asas Tani.

Bagi tahun 2011, sejumlah RM500,000 telah diperuntukkan bagi membiayai program-program latihan untuk mencapai objektif Kor Tani. Modul-modul dibangunkan selaras dengan objektif yang merangkumi Modul Teras dan Modul Tambahan. Intipati Modul Teras meliputi :

- Modul Fizikal,
- Modul Kenegaraan,
- Modul Pembinaan Karakter
- Modul Khidmat Komuniti

Sementara Modul Tambahan mencakupi hal-hal kerohanian dan dasar-dasar Kerajaan. Seramai 1,915 orang ahli Kor Tani telah hadir dalam 3 program yang diadakan di peringkat Ibu Pejabat, Selangor dan Kedah sepanjang tahun 2011.



### C) Menaiktaraf Institut Pengurusan Peladang (IPP)


LPP mempunyai lima buah Institut Pengurusan Peladang iaitu di Langkawi, Sungai Petani, Rompin, Machang dan Johor Bahru bagi menampung keperluan kursus anggota dan juga ahli-ahli peladang. Sepanjang tahun 2011 sebanyak 97 kursus anjuran LPP telah dilaksanakan di IPP dengan melibatkan penyertaan anggota dan ahli peladang seramai 5,200 orang.

Sementara agensi kerajaan juga menggunakan kemudahan IPP dengan melaksanakan kursus-kursus yang melibatkan 249 kursus dengan bilangan peserta seramai 15,793 orang. Sementara pihak swasta dengan menganjurkan sebanyak 106 kursus dengan melibatkan peserta seramai 7,335 orang. Sila rujuk **Jadual 9**.


JADUAL 9 : BILANGAN PENGGUNAAN IPP BAGI TAHUN 2011

Pendapatan	Bilangan Latihan				Bilangan Peserta			
	LPP	Kerajaan	Swasta	Jumlah	LPP	Kerajaan	Swasta	Jumlah
Pakej Latihan	48	108	26	182	2,133	5,422	1,834	9,389
Sewa Asrama	14	36	55	105	1,151	2,636	3,788	7,575
Perkhidmatan Makan	14	42	13	69	995	2,443	794	4,232
Pendapatan Pelbagai	7	9	1	17	251	566	24	841
Machang	14	54	11	79	670	4,726	895	6,291
<b>Jumlah</b>	<b>97</b>	<b>249</b>	<b>106</b>	<b>452</b>	<b>5,200</b>	<b>15,793</b>	<b>7,335</b>	<b>28,328</b>

CARTA 8 : PERATUS BILANGAN KURSUS YANG DIADAKAN



CARTA 9 : PERATUS KEHADIRAN PESERTA DI IPP





RAJAH 2 :  
KEDUDUKAN INSTITUT PENGURUSAN PELADANG (IPP)  
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

